

30/05/1997

## Kekalahan Teluk Intan tertebus

KUALA SELANGOR, Khamis - Ahli Dewan Undangan baru Permatang, Datuk Abu Hassan Omar, mengucapkan syukur atas kemenangannya dan sekali gus menegaskan kejayaan itu memulihkan imej Barisan Nasional (BN) selepas tewas di Teluk Intan.

Beliau terus menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang sedang bercuti di luar negara dan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebaik sahaja kemenangannya diumumkan.

"Kejayaan ini juga memastikan Kuala Selangor terus kekal menjadi kubu kuat BN.

"Kita juga dapat pulihkan imej selepas kekalahan di Teluk Intan baru-baru ini," katanya di pusat penjumlahan undi di Dewan Melawati, di sini selepas keputusan pilihan raya kecil Permatang diumumkan.

Abu Hassan berkata, Perdana Menteri turut mengucapkan syukur atas kemenangannya dan meminta beliau menyampaikan salam kepada komponen BN yang bertungkus lumus memastikan kejayaan kedua-dua calon BN di Kuala Selangor.

Abu Hassan berkata, beliau akan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di Dewan Undangan Negeri pada jam 3, petang esok.

"Pelantikan saya sebagai Menteri Besar dibuat mungkin minggu depan.

"Saya akan berjumpa sama ada Perdana Menteri atau Pemangku Perdana Menteri secepat mungkin untuk membolehkan mereka bertemu Sultan Selangor yang pulang bercuti tidak lama lagi," katanya.

Difahamkan, Sultan Selangor yang kini bercuti di London pulang ke tanah air pada 4 Jun depan dan dijangka mengumumkan pelantikan Abu Hassan selepas mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir atau Anwar.

Abu Hassan juga akan bertemu dengan bakal penggantinya di Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid, dalam masa sehari dua lagi.

"Saya akan berjumpa beliau untuk menyerahkan tugas sebagai menteri secara rasmi," katanya.

Abu Hassan juga berikrar bahawa beliau, ahli Parlimen baru bagi Kuala Selangor, Datuk Jamaluddin Adnan; Mesrah Selamat (Adun Jeram), dan S Sivalinggam (Adun Ijok) akan terus memberi khidmat sebaik mungkin kepada penduduk di Kuala Selangor.

Turut hadir ketika kemenangan Abu Hassan diumumkan malam ini ialah Pengerusi MCA Selangor, Datuk Teng Chiew Peh; Datuk Mustapha Mohamad (Menteri Pembangunan Usahawan) dan Datin Paduka Zaleha Ismail (Menteri Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat).

Di samping itu, Abu Hassan sempat memberi amaran kepada pihak yang kalah iaitu Pas supaya berfikir semasak-masak sebelum bertanding di Kuala Selangor, dalam pilihan raya akan datang.

(END)